

Headline	SOAL JAWAB DEWAN RAKYAT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,076



SOAL JAWAB DEWAN RAKYAT



TAN SENG GIAW

PENYELIDIK FRIM

SOALAN: Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) minta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah bagi membolehkan penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terus menyumbang kepada institusi berkenaan.

JAWAPAN Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, DATUK SERI DR. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR: Kementerian sedang meneliti pemberian imbuhan sewajarnya kepada penyelidik FRIM bagi setiap penemuan yang dikomersialkan.



SITI ZAILAH YUSOFF

RUMPAI LAUT

SOALAN: Siti Zailah Yusoff (Pas-Rantau Panjang) ingin tahu status terkini sasaran pengeluaran 730,000 tan metrik rumpai laut menjelang 2020.

JAWAPAN Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, DATUK SERI AHMAD SHABERY CHEEK: Sebanyak 206,000 tan metrik rumpai laut dihasilkan sehingga tahun 2016 dan kerajaan akan melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pemasaran komoditi itu.



JOHARI ABDUL

HARGA LANTAI GETAH

SOALAN: Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani) bertanya sama ada kerajaan akan melaksanakan harga lantai getah.

JAWAPAN Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, DATUK DATU NASRUN DATU MANSOR: Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan harga lantai getah buku pada RM3 sekilogram.



TAKIYUDDIN HASSAN

HAPUS JUDI HARAM

SOALAN: Datuk Takiyuddin Hassan (Pas-Kota Bharu) minta Kementerian Dalam Negeri menyatakan perkembangan dan kejayaan gerakan menghapuskan kegiatan judi.

JAWAPAN Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATUK MASIR KUJAT: Sebanyak 36,114 individu termasuk pemain, penjaga premis dan pengarjur yang terlibat dengan perjudian haram telah ditangkap sepanjang tahun lalu sehingga kini manakala sebanyak 91,000 mesin judi dan wang tunai berjumlah RM1.7 juta telah dirampas menerusi 27,203 serbuan.



KOH NAI KWONG

OPERASI MENYELAMAT PENGEMIS

SOALAN: Datuk Koh Nai Kwong (BN-Alor Gajah) minta kerajaan menyatakan bilangan operasi menyelamat pengemis di bandar.

JAWAPAN Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, DATUK AZIZAH MOHD. DUN: Sebanyak 3,040 pengemis yang terdiri daripada 455 warga asing dan 2,585 rakyat tempatan berjaya diselamatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).